

## KONTEKS DAN LAKUAN BUKAN BAHASA DALAM ARTIKEL KRITIKAN TUN DR. MAHATHIR TERHADAP ISU 1MDB

(*Context and Non Speech Act in Tun Dr. Mahathir's Criticism Article Toward 1MDB Issue*)

Abd Ganing Laengkang, Ab Razak Ab Karim, & Rohaidah Haron

### ABSTRAK

Pragmatik ialah kajian makna ujaran berdasarkan konteks sebenar. Kajian ini membina kerangka konsep umum berdasarkan formula Paul Simpson, iaitu *pragmatik = semantik + konteks* untuk menentukan kedudukan dan jenis-jenis konteks dalam kajian lakuhan bahasa. Penelitian konteks dan lakuhan bukan bahasa dilakukan berdasarkan artikel-artikel kritikan Tun Dr. Mahathir terhadap isu pengurusan 1 Malaysia Development Berhad (1MDB). Penelitian ini memperlihatkan bahawa konteks dan lakuhan bukan bahasa perlu diperjelas terlebih dahulu sebelum menganalisis lakuhan bahasa seseorang. Hal ini kerana konteks dan lakuhan bukan bahasa dapat menentukan makna, fungsi dan tujuan sesuatu ujaran. Secara umumnya, kajian ini telah mengenal pasti tiga konteks utama, iaitu konteks 1MDB, konteks sikap pendirian pengkritik, konteks lakuhan bukan bahasa. Ketiga-tiga konteks ini memainkan peranan penting dalam menentukan bentuk-bentuk lakuhan bahasa. Sumber konteks ini diperoleh melalui analisis artikel kritikan Tun Dr. Mahathir Mohamad yang diterbitkan antara September 2014 hingga Mac 2018 melalui blog *chedet.cc*. Penekanan terhadap pengkategorian konteks dan lakuhan bukan bahasa telah memberi satu dimensi baharu dalam kajian pragmatik, iaitu kategori konteks perlu diperjelas terlebih dahulu sebelum menganalisis data. Kajian-kajian sebelum ini tidak memperincikan jenis-jenis konteks sebelum menganalisis sesuatu data.

**Kata kunci:** Konteks, lakuhan bukan bahasa, kritikan, Tun Dr. Mahathir, dan 1MDB.

### ABSTRACT

Pragmatic is the study of the meaning of the utterance based on the actual context. This research builds general conceptual framework based on the Paul Simpson's formula of Pragmatic, namely *pragmatic = semantic and context*. Context and non speech act research is conducted based on Tun Dr. Mahathir's criticism through his articles againsts 1 Malaysia Development Berhad (1MDB). This study shows that context and non-speech act need to be clarified first before analyzing speech act. This is because context and non-speech act can show the meaning, function and purpose of an utterance. Generally, this study has identified three key contexts, namely Context 1: 1MDB, Context 2: Atitude and the standpoint of Tun Dr. Mahathir, and Context 3: Non-Speech Act. These three contexts play an important role in determining the forms of speech act. The source of this context is obtained through an analysis of Tun Dr. Mahathir Mohamad's article published between Septmeber 2014 to March 2018 via the *chedet.cc* blog. Emphasis on categorization of context and non-speech act has not oly given a new dimension in the study of pragmatic, namely the context of categories needs to be explained clearly first before analyzing data. Studies previously not discussing the coteogry of context before analyzing the data.

**Keywords:** Context, non-speech Act, criticism, Tun Dr. Mahathir, and IMDB.

## PENGENALAN

Perkataan pragmatik berasal daripada perkataan bahasa Inggeris, iaitu *pragmatic*. *Dictionary of Language and Linguistic* (1973:205) mendefinisikan *pragmatic* dari sudut semiotik sebagai kajian tentang bagaimana tanda dan simbol digunakan oleh manusia untuk berkomunikasi dalam bahasa tertentu. *The Linguistic Encyclopedia* (1991:354) pula mendefinisikan *pragmatic* sebagai kajian peraturan dan prinsip yang mengawal bahasa dalam penggunaan. Selain itu, Geoffrey Finch (2000:150) melalui kamus istilah *Linguistic Term and Concepts* berpendapat bahawa pragmatik memberi tumpuan terhadap apa yang dikatakan ‘secara tidak jelas’ dan cara-cara untuk mentafsir pertuturan tersebut berdasarkan konteks situasi. Kamus *Oxford Advanced Learners’s Dictionary* (7th Edition, 2005:1182) pula mendefinisikan *pragmatic* sebagai kajian tentang cara bahasa digunakan untuk menyampaikan sesuatu dalam situasi tertentu, khususnya perkataan sebenar digunakan boleh membawa makna yang berbeza.

Kamus linguistik berbahasa Melayu, khususnya *Kamus Linguistik* (1982) yang disusun oleh Harimurti Kridalaksana di Indonesia, telah memberikan maksud yang sama dengan maksud pragmatik dalam bahasa Inggeris. Kamus ini (1982:137) mendefinisikan *pragmatic* kepada tiga definisi, iaitu (i) syarat-syarat yang mengakibatkan serasi-tidaknya pemakaian bahasa dalam komunikasi; (ii) cabang semiotika yang mempelajari asal-usul, pemakaian dan akibat lambang dan tanda; (iii) ilmu yang menyelidiki pertuturan, konteks dan maknanya. Di Malaysia, *Kamus Linguistik* (1997:192) yang disusun oleh Ramli Md. Salleh et.al mendefinisikan pragmatik berdasarkan dua bidang, iaitu bidang semiotik dan linguistik. Dalam bidang semiotik, pragmatik didefinisikan sebagai pengkajian bagaimana tanda dan lambang digunakan oleh manusia untuk berhubungan dalam bahasa tertentu. Dalam bidang linguistik pula, khususnya linguistik moden, pragmatik didefinisikan sebagai pengkajian bahasa dari sudut pandangan pengguna, terutama pemilihan yang dibuat, kekangan yang dihadapi ketika menggunakan bahasa dalam interaksi sosial, dan kesan penggunaan bahasa ke atas peserta lain dalam lakuan komunikasi. Berdasarkan definisi-definisi tersebut, pengkaji menyimpulkan bahawa tidak berlaku perubahan makna pragmatik antara kedua-dua bahasa. Makna pragmatik bagi kamus di atas dirumuskan sebagai istilah dalam bidang linguistik dan ia merupakan kajian makna berdasarkan konteks.

Definisi pragmatik yang diberikan oleh kamus di atas adalah selari dengan konsep dan huraian oleh ahli-ahli bahasa. Siti Hajar Abdul Aziz (2010) telah membahaskan secara terperinci tentang konsep asas pragmatik, dengan mengambil kira pelbagai pandangan dan definisi yang dikemukakan oleh ahli bahasa yang berkecimpung dalam bidang pragmatik. Antara tokoh yang beliau petik dalam membahaskan konsep pragmatik ialah George (1964), Crystal (1971:61), Bach dan Harnish (1979:7-15), Dowty (1981), Parker (1986), Geooffery Leech (1987), Kempson (1988), Green (1989) Cook (1994), Yule (1996), Levinson (2000) dan Cummings (2005). Secara umumnya, Siti Hajar (2010:4) menerima pandangan tokoh-tokoh tersebut, dengan merumuskan bahawa pragmatik merupakan satu cara yang sistematik untuk mendeskripsikan penggunaan bahasa berdasarkan konteks. Beliau menambah lagi, pragmatik digunakan untuk mengenal pasti bagaimana memahami makna sesuatu pertuturan dan keupayaan melakukan tafsiran terhadap pertuturan tersebut.

## KONTEKS DALAM PRAGMATIK

Seperti yang dirumuskan sebelum ini, pragmatik ialah kajian makna ujaran berdasarkan konteks sebenar. Oleh itu, pengkaji akan mengetengahkan konsep konteks dan jenis-jenis

konteks untuk menentukan bentuk-bentuk lakuhan bahasa. *Kamus Linguistik* (1982:93) yang disusun oleh Harimurti Kridalaksana di Indonesia dan *Kamus Linguistik* di Malaysia yang disusun oleh Ramli Md. Salleh et. Al (1997) mempunyai makna yang sama dalam mendefinisikan konteks. Namun demikian, Harimurti Kridalaksana lebih terperinci berbanding Ramli Md. Salleh. Kedua-dua kamus ini memberikan definisi konteks dari dua sudut, iaitu dari sudut linguistik dan situasi. Dari sudut linguistik, kedua-dua kamus ini mengaitkan konteks dengan lingkungan bunyi bahasa dan ciri prosidi yang berdekatan, bunyi, kata, atau frasa yang mendahului dan mengikuti sesuatu unsur bahasa dalam ujaran. Dari sudut situasi pula, konteks dikaitkan dengan ciri-ciri alam di luar bahasa atau dunia luar memberikan makna pada teks atau wacana. Dalam *Kamus Linguistik* yang disusun oleh Harimurti Kridalaksana, konteks juga merujuk kepada semua faktor dalam proses komunikasi yang tidak menjadi bahagian dari wacana.

Selain itu, Harimurti Kridalaksana dalam kamus tersebut turut memperincikan lima jenis konteks, iaitu konteks budaya, konteks linguistik, konteks semotaktis, konteks sitaktis, dan konteks situasi. Konteks situasi merujuk kepada keseluruhan kebudayaan atau situasi non linguistik di mana sebuah komunikasi terjadi. Konteks linguistik pula ialah konteks yang memberi makna yang paling cocok pada unsur bahasa; konsep yang merangkumi konteks sintaksis dan semotaktis. Konteks semotaktis merupakan lingkungan semantis yang ada di sekitar suatu unsur bahasa, makna unsur bahasa, manakala konteks sintaktis merujuk kepada lingkungan gramatikal dari satu unsur bahasa yang menentukan kelas dan fungsi unsur tersebut. Konteks terakhir ialah konteks situasi dan ia didefinisikan berdasarkan pandangan Firth sebagai non linguistik ujaran yang merupakan alat untuk memperinci ciri-ciri situasi yang diperlukan untuk memahami makna ujaran. S. Nathesan turut menyentuh persoalan konteks. Menurut S. Nathesan (2002:10-11), unsur ketaksaan dapat dielakkan sekiranya mengambil kira peranan konteks, walaupun ada pengguguran beberapa komponen dalam ujaran atau tulisan. Misalnya, makna perkataan *cantik* amat kabur melainkan digunakan dalam konteks tertentu. Perkataan *cantik* boleh digunakan untuk menggambarkan kencantikan seseorang, pandangan, perkara, penghargaan, pujian dan sebagainya. Ayat *wanita itu cantik*, dan *gol yang dihasilkan itu cantik* menunjukkan perbezaan makna cantik berdasarkan situasi atau konteks. Selain itu, Paul Simpson (1993) turut membahaskan persoalan pragmatik. Malah, beliau (1993:120) mempermudah kefahaman tentang pragmatik dengan mengemukakan satu formula ringkas, iaitu seperti berikut:

$$\boxed{\text{Pragmatic} = \text{semantic} + \text{context}}$$

Berdasarkan formula di atas, beliau menjelaskan, semantik tertumpu pada makna ayat tanpa konteks (*contextless sentence*), manakala pragmatik pula tertumpu pada pertuturan (*utterance*). Menurutnya lagi, semantik adalah untuk menerangkan unit-unit linguistik dalam pelbagai peringkat, bermula daripada makna sesuatu perkataan, atau bahagian-bahagian perkataan hingga ke struktur logik yang berkaitan keseluruhan ayat tersebut. Pragmatik pula berusaha untuk menerangkan makna bahasa ketika ia dituturkan dalam konteks penggunaan. Formula tersebut dijadikan asas pembentukan kerangka konsep dalam analisis lakuhan bahasa Tun Dr. Mahathir.

Pengkaji-pengkaji terdahulu hanya membahaskan konteks dan hubungannya dengan pragmatik secara umum. Amat kurang sarajana yang menghuraikan secara khusus hubungan konteks dengan lakuhan bahasa. Kajian ini mendapati, hanya Marina Sbisa` (2002) antara tokoh bahasa yang membahaskan secara khusus tentang hubungan lakuhan bahasa dengan konteks melalui kajian beliau yang bertajuk *Speech Act In Context*. Kajian beliau lebih tertumpu pada persoalan pengertian konteks dalam analisis lakuhan bahasa. Beliau (2001:1) berpendapat

bahawa konteks dalam lakuan bahasa hendaklah dianggap sebagai sesuatu yang dibina, terhad, dan bersifat objektif. Walau bagaimanapun, beliau tidak membuat penjenisan konteks untuk menganalisis lakuan bahasa.

Setakat kajian ini dilakukan, pengkaji menemui tiga sarjana yang membuat penjenisan konteks dalam kajian pragmatik, iaitu Mohamed Mohamed Yunis Ali (2000), Siti Hajar (2010), dan Sumarlan et.al (2017). Mohamed memecahkan konteks kepada empat jenis, iaitu (i) sikap penutur (ii) pengetahuan bersama, (iii) amalan budaya dan (iv) karpet. Konteks *tabiat penutur* ialah cara biasa atau pernyataan biasa untuk menyampaikan makna supaya penerima, (jika dia biasa dengan *tabiat penutur*) boleh segera dapat memahami apa yang dimaksudkan oleh penutur. Konteks *pengetahuan bersama* merujuk kepada pengetahuan yang diketahui bersama antara peserta perbualan. Konteks *amalan budaya* pula bekaitan dengan adat dan kebudayaan. Konteks *karpet* secara relatif dikaitkan dengan sesuatu yang berada di sebalik karpet atau maklumat tersebut. Siti Hajar (2010:108-110) turut menerima konsep konteks pragmatik yang diperkenalkan oleh pengkaji terdahulu, seperti Levinson, Cummings, Devitt dan Henley. Beliau telah menyenaraikan lima jenis konteks untuk menganalisis 50 teks bahasa Melayu perbualan, iaitu *penutur, pendengar, latar belakang perbualan, topik perbicaraan, dan teks perbualan*. Sumarlan et.al (2017:91) membahagikan konteks kepada empat jenis, iaitu konteks fizik, konteks epistemis, konteks linguistik, dan konteks sosial.

Berdasarkanuraian di atas, kajian ini merumuskan bahawa pragmatik ialah kajian makna ujaran, sama ada bertulis atau secara lisan, berdasarkan konteks sebenar. Salah satu tumpuan kajian pragmatik ialah lakuan bahasa. Untuk menganalisis lakuan bahasa kritikan Tun Dr. Mahathir dalam isu 1MDB, persoalan dan jenis konteks perlu diperjelas terlebih dahulu. Hal ini kerana pemboleh ubah utama dalam analisis lakuan bahasa ialah konteks yang merangkumi lakuan bukan bahasa. Jika ditinjau kajian lepas, khususnya Ahmad Mahmood Musanif (1998) dan Haslinda Saad (2012), kedua-dua tokoh ini tidak memperincikan jenis-jenis konteks dalam kajian mereka. Walaupun mereka menganalisis data berdasarkan konteks, namun demikian kajian mereka tidak menggunakan konteks-konteks yang jelas dalam menganalisis data. Oleh itu, pengkaji berpendapat bahawa jenis konteks amat penting dalam menganalisis sesuatu ujaran kerana ia dapat menghasilkan analisis ujaran yang tepat.

## **TUJUAN KAJIAN**

1. Membina kerangka konsep secara umum tentang kedudukan konteks dalam kajian lakuan bahasa Tun Dr. Mahathir
2. Mengenal pasti jenis-jenis konteks dalam analisis lakuan bahasa Tun Dr. Mahathir terhadap isu 1MDB.

## **SKOP DAN BAHAN KAJIAN**

Dalam bidang pragmatik, lakuan bahasa ialah kajian bahasa berdasarkan konteks sebenar. Oleh itu, kajian memberi tumpuan terhadap pengkategorian konteks berdasarkan kerangka teoritis yang telah dibina. Dengan perkataan lain, skop kajian ini tertumpu pada tiga konteks sebenar dalam analisis lakuan bahasa Tun Dr. Mahathir dalam isu 1MDB, iaitu konteks 1MDB, konteks sikap dan pendirian Tun Dr. Mahathir, dan konteks lakuan bukan bahasa. Kajian ini tidak menganalisis lakuan bahasa. Dalam membentuk tiga konteks tersebut, pengkaji telah meneliti 130 artikel kritikan dan pandangan Tun Dr. Mahathir terhadap isu 1MDB yang diterbitkan dalam blog *chedet.cc*. Artikel yang dipilih ialah artikel yang ada kaitan dengan pengurusan 1MDB. Artikel tersebut diterbitkan sepanjang 4 tahun lebih, iaitu bermula pada 10 September

2014 hingga 29 Mac 2018. Data ini diakses dan dimuat turun pada 29 hingga 30 April 2018. Kajian ini tidak bertujuan untuk menyiasat isu pengurusan syarikat 1MDB.


## KERANGKA KONSEP ANALISIS LAKUAN BAHASA

Pragmatik ialah kajian makna ujaran berdasarkan konteks. Berdasarkan pengertian tersebut, kajian ini membina kerangka konsep umum untuk memperlihatkan kedudukan konteks dalam analisis lakuhan bahasa. Pembinaan kerangka konsep ini bertitik tolak daripada formula yang diberikan oleh Paul Simpson (1993), seperti berikut:

$$\text{Pragmatic} = \text{semantic} + \text{context}$$

Namun demikian, forum mula tersebut disesuaikan dengan data kajian, iaitu artikel kritikan terhadap isu pengurusan 1MDB oleh Tun Dr. Mahathir. Rajah 1 berikut ialah kerangka konsep pragmatik untuk memperlihatkan kedudukan konteks dalam analisis lakuhan bahasa. Secara umumnya, kerangka konsep dalam Rajah 1 menunjukkan bahawa pragmatik ialah kajian makna sesuatu ujaran berdasarkan konteks sebenar. Kajian ini menganalisis satu peristiwa bahasa sebenar, iaitu artikel-artikel kritikan Tun Dr. Mahathir dalam isu 1MDB.

Rajah 1: Kerangka Konsep Tentang Konteks Dalam Lakuhan Bahasa.



Dari sudut pragmatik, kerangka konsep dipecahkan kepada dua, iaitu analisis konteks dan analisis lakuan. Analisis konteks dipecahkan kepada tiga jenis konteks, iaitu Konteks 1:1MDB, Konteks 2: Sikap dan Pendirian Pengkritik, dan Konteks 3: Lakuan Bukan Bahasa. Analisis Lakuan dipecahkan kepada dua, iaitu lakuan bukan bahasa, dan lakuan bahasa. Oleh sebab lakuan bukan bahasa merupakan tindakan-tindakan atau strategi-strategi yang diambil oleh Tun Dr. Mahathir dalam kritikan, maka kajian ini meletakkan lakuan bukan bahasa sebagai sebahagian daripada konteks, iaitu konteks 3. Ketiga-tiga konteks ini membekalkan latar belakang penting dalam analisis lakuan bahasa. *Konteks karpet* yang diperkenalkan oleh Mohamed Mohamed Yunis Ali (2000) tidak dijadikan sebagai sebahagian daripada kajian ini. Hal ini kerana kajian ini tidak bertujuan untuk menyiasat kes ini bagi mencari fakta-fakta di sebalik pengurusan 1MDB. Ketiga-konteks ini sudah memadai untuk memberikan maklumat yang menyeluruh untuk menganalisis lakuan bahasa Tun Dr. Mahathir. Sebanyak 130 artikel diteliti untuk memperlihatkan konteks, khususnya konteks 3, iaitu lakuan bukan bahasa.

### **Konteks 1: Latar Belakang 1MDB**

Konteks 1 berkaitan dengan sejarah penubuhan dan perniagaan yang dijalankan oleh 1MDB. Namun demikian, laman sesawang rasmi 1MDB (setakat kajian ini dilakukan Mei 2018) tidak memberikan konteks yang lengkap, khususnya tentang konteks sejarah, kegiatan pelaburan dan perniagaan yang dijalankan. Laman sesawang<sup>i</sup> 1MDB ini hanya melaporkan aktiviti kebajikan dan sumbangan yang dilakukan. Oleh itu, kajian ini hanya menggunakan Laporan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara<sup>ii</sup> (PAC) yang telah diperoleh melalui laman sesawang rasmi parlimen Malaysia. Dalam laporan ini, latar belakang penubuhan dan aktiviti perniagaan diuraikan secara terperinci. Pengkaji mengkategorikan latar belakang 1MDB ini sebagai konteks 1 kerana ia merupakan punca utama kritikan berterusan dilakukan oleh Tun Dr. Mahathir.

### **Konteks 2: Sikap dan Pendirian Tun Dr. Mahathir**

Konteks 2 pula merujuk kepada sikap dan latar belakang Tun Dr. Mahathir yang dikenali sebagai individu yang lantang mengkritik. Kritikan beliau dilakukan dalam pelbagai status, sama ada sebagai ahli UMNO, rakyat biasa, ahli politik atau sebagai pemimpin tertinggi Parti Peribumi Bersatu Malaysia (PPBM). Sejarah membuktikan bahawa beliau adalah orang yang berani mengkritik sesiapa sahaja yang dirasakan telah melakukan perkara yang tidak betul. Pendirian beliau perlu diperincikan terlebih dahulu sebelum menganalisis lakuan bahasa. Hal ini kerana pendirian tersebut menjadi titik tolak kepada kritikan yang berterusan. Dalam konteks lakuan bahasa, pendirian merupakan lakuan ilokusi, iaitu lakuan niat pengucapan. Tun Dr. Mahathir dengan jelas dan tegas telah menyatakan sikap dan pendirian beliau terhadap isu pengurusan 1MDB dan Perdana Menteri Malaysia (PMM - juga boleh merujuk kepada Dato Seri Mohamad Najib Tun Abdul Razak), melalui artikel yang bertajuk *Pendirian Saya*, diterbitkan pada 26 Jun 2016.

Pendirian utama dalam artikel tersebut ialah Tun Dr. Mahathir tidak akan menyokong sama sekali penyalahgunaan kuasa oleh pihak pengurusan 1MDB. Penyalahgunaan kuasa yang dimaksudkan merangkumi penubuhan dana kekayaan negara (Wealth Sovereign Fund) yang berbilllion dengan berhutang; pembelian tanah kerajaan oleh 1MDB dengan harga yang sangat rendah, penglibatan Jho Low dalam pengurusan 1MDB, pemindahan wang jutaan dolar Amerika kepada syarikat Jho Low, pengakuan Dato Seri Mohamad Najib Tun Abdul Razak (DSMN) tentang 2.6 billion dalam akaun peribadinya, kegagalan DSMN menjelaskan kehilangan berbilllion Ringgit wang 1MDB; pemindahan beban bayaran hutang 1MDB kepada kerajaan. Selain itu, beliau juga berpendirian tidak akan menyokong penyalahgunaan kuasa

undang-undang negara oleh PMM. Isi terakhir artikel tersebut dengan jelas dan tegas menyatakan bahawa:

1. Bagi saya usaha untuk membersih Kerajaan Malaysia akan saya **teruskan dengan apa cara sekalipun.** (Tajuk: *Pendirian Saya*. No. 10)

Dalam kajian lakuan bahasa, pendirian di atas merujuk kepada konsep ilokusi, iaitu lakuan niat pengucapan. Dengan perkataan lain, ayat di atas membawa maksud bahawa Tun Dr. Mahathir akan meneruskan kritikan-kritikan terhadap 1MDB dan kepimpinan negara dengan pelbagai cara sehingga beliau berjaya. Selain itu, ia menggambarkan sikap beliau yang serius dan konsisten dalam memperjuangkan sesuatu. Beliau akan melakukan apa sahaja usaha untuk mempertahankan negara daripada terus dirosakkan pemimpin negara. Pendirian ini juga menjadi titik tolak kepada pelbagai strategi lakuan bukan bahasa yang lain dalam mengkritik isu pengurusan 1MDB dan Perdana Menteri Malaysia.

### **Konteks 3: Lakuan Bukan Bahasa**

Konteks 3 merujuk kepada lakuan bukan bahasa. Lakuan bukan bahasa ini merupakan konteks yang melatari lakuan bahasa. Oleh sebab konteks berbentuk tindakan, maka konteks ini turut dihuraikan dan diletakkan di bawah analisis lakuan. Secara umumnya, konteks ini berkaitan dengan pelbagai strategi tindakan sepanjang mengkritik isu pengurusan 1MDB. Selain konteks 1 dan konteks 2, konteks 3 ini turut membekalkan maklumat bukan linguistik yang sangat penting untuk menganalisis bentuk-bentuk lakuan bahasa. Hubungan lakuan bahasa dengan lakuan bukan bahasa dilihat dari sudut pragmatik, iaitu analisis lakuan bahasa perlu dilengkapi dengan konteks yang melatari isu yang dikritik. Konteks yang dimaksudnya ialah pelbagai siri tindakan dan strategi kritikan. Perincian tentang lakuan bukan bahasa ini dilakukan berdasarkan pernyataan-pernyataan yang terdapat dalam 130 artikel *chedet.cc*, mengikut garis masa antara September 2014 hingga April 2018. Tempoh ini memperlihatkan pelbagai satatus Tun Dr. Mahathir, iaitu sebagai ahli UMNO, rakyat biasa, ahli Parti Perbumi Bersatu Malaysia, dan Pengerusi Pakatan Harapan. Berikut ialah sepuluh strategi lakuan bukan bahasa yang dilakukan oleh Tun Dr. Mahathir.

#### **1. Berhenti Menyokong UMNO dan Perdana Menteri**

Tun Dr. Mahathir mula menarik sokongannya secara jelas terhadap UMNO dan kepimpinan Perdana Menteri Malaysia melalui tiga artikel, iaitu artikel yang bertajuk *Menegur* (terbit pada 18 Ogos 2014), *Taklimat Najib* (terbit pada 9 Disember 2015), dan *Mukhriz dan Saya* (27 Mei 2016). Dengan perkataan lain, terdapat tiga pernyataan langsung tentang pengakuan Tun Dr. Mahathir yang berhenti menyokong UMNO dan kepimpinan negara, iaitu seperti berikut:

1. Saya tidak ada pilihan selain dari menarik balik sokongan saya. Ini pun tidak berkesan. Oleh itu terpaksa saya menegur. (Tajuk: *Menegur*.No 24)
2. Hanya apabila rahsia hutang dan kerugian 1MDB terbongkar barulah saya tarik sokongan saya daripada Najib. (Tajuk: *Taklimat Najib*. No 4)
3. Apabila skandal 1MDB meletup saya berhenti menyokong Najib. Mukhriz tidak menunjukkan sokongan penuh untuk Najib. (Tajuk: *Mukhriz dan Saya*. No 8)

Contoh 1 di atas merupakan permulaan pengakuan Tun Dr. Mahathir untuk berhenti menyokong UMNO dan kempimpinannya. Beliau menarik sokongan tersebut disebabkan dasar-dasar kerajaan dan kemerosotan pencapaian PMM dalam PRU13 berbanding Tun

Abdullah Ahmad Badawi pada PRU12. Contoh 2 pula merupakan pengakuan yang jelas bahawa beliau berhenti menyokong DSMN kerana rahsia hutang 1MDB yang terlalu banyak dan kerugian besar yang dialami oleh 1MDB telah terbongkar. Selain itu, dalam artikel yang sama, Tun Dr. Mahathir mengulangi bahawa beliau berhenti menyokong PMM kerana skandal 1MDB. Menurutnya, beliau terus menarik sokongan dan akan terus mengkritik PMM untuk menyelamatkan negara daripada terus dirosakkan oleh DSMN. Beliau tidak menghiraukan masa depan Dato Seri Mukhriz, anak Tun Dr. Mahathir yang ketika itu menjawat jawatan Menteri Besar Kedah. Tindakan itu diambil kerana beliau lebih mengutamakan masa depan negara dengan menjatuhkan Perdana Menteri berbanding menjaga kepentingan Dato Seri Mukhriz sebagai Menteri Besar Kedah. Dari segi garis masa, contoh 1 menunjukkan bahawa sebelum skandal 1MDB lagi Tun Dr. Mahathir telah mula mengkritik dan berhenti menyokong kerajaan.

## 2. Strategi Kritikan Tertutup

Dalam kajian ini, strategi kritikan tertutup bermaksud tindakan yang diambil oleh Tun Dr. Mahathir tanpa menulis artikel dalam blog *chedet.cc*. Dalam isu 1MDB, tindakan mengkritik secara tertutup ditegaskan melalui artikel beliau yang bertajuk *Selamat Bersidang UMNO* (diterbitkan pada 25 November 2015). Beliau menegaskan bahawa:

1. Saya dinasihat supaya tidak membuat teguran terbuka. Sebenarnya sudah saya **tegur secara tertutup berkali-kali**, terutama berkenaan masalah Bumiputra dan UMNO. Tetapi tidak berkesan. Teguran secara terbuka terpaksalah dibuat. (Tajuk: *Selamat Bersidang UMNO*. No 15)

Petikan artikel di atas menunjukkan bahawa Tun Dr. Mahathir telah melakukan tindakan menegur secara tertutup berulang kali, namun tindakan itu tidak memberi kesan seperti yang diharapkan. Oleh itu, beliau mengambil tindakan menegur secara terbuka. Perkataan *berkali-kali* menunjukkan bahawa tindakan menegur telah dilakukan secara berterusan sebelum artikel itu diterbitkan. Dalam konteks ini juga, tindakan menegur secara tertutup telah lama dilakukan oleh Tun Dr. Mahathir terhadap pemimpin tertinggi negara. Kritikan terhadap pemimpin tertinggi negara dilakukan sejak Perdana Menteri Malaysia pertama lagi. Hal ini dinyatakan sendiri oleh beliau dalam blog tersebut melalui tajuk artikel *Menegur*.

1. Mungkin saya berbeza sedikit dari Melayu lain. Apabila YTM Tunku membuat beberapa dasar dan tindakan yang tidak disenangi oleh ramai orang Melayu, saya menulis surat menegur Tunku. (Tajuk: *Menegur*. No17)
2. Walaupun kerananya saya dipecat, tetapi YTM Tunku meletak jawatan sebagai Perdana Menteri. Mungkin bukan kerana teguran saya, tetapi hakikatnya Tunku mengundur diri. (Tajuk: *Menegur*. No18)
3. Demikian juga dengan Tun Abdullah Ahmad Badawi. Mungkin kerana teguran, mungkin kerana prestasi buruk Pilihanraya ke 12. Tetapi hakikatnya Tun Abdullah juga letak jawatan. (Tajuk: *Menegur*. No 19)

Contoh 1 hingga contoh 3 menunjukkan bahawa Tun Dr. Mahathir telah sebat dengan sikap menegur pemimpin tertinggi negara. Dengan perkataan lain, sikap mengkritik ini telah lama dilakukan sebelum isu 1MDB lagi. Pernyataan *saya menulis surat menegur Tunku* menunjukkan bahawa beliau melakukan kritikan secara tertutup terhadap dasar-dasar kerajaan yang diambil oleh Tunku Abd Rahman, iaitu PMM pertama. Tunku Abd Rahman menjadi PMM antara tahun 1957 -1970. Selain itu, beliau turut mengakui telah melakukan teguran

terhadap Tun Abdulah Ahmad Badawi, PMM kelima. Tun Dr. Mahathir berpendapat bahawa pemimpin perlu sentiasa ditegur tentang kesilapan-kesilapan yang dilakukan oleh pemimpin. Pemimpin yang tidak ditegur akan sentiasa berasa tindakan yang diambil adalah betul. Oleh itu, para pemimpin perlu ditegur agar pemimpin tersebut sedar tentang kesilapan yang dilakukan dengan harapan pemimpin membentulkan kesilapan. Hal ini memberi gambaran yang jelas bahawa Tun Dr. Mahathir telah melakukan kritikan terhadap pemimpin negara sejak lebih 50 tahun yang lepas.

1. Saya menegur kerana saya berpendapat pemimpin yang tidak ditegur akan percaya segala-gala yang dilakukan oleh mereka baik-baik belaka. Hanya apabila ditegur sahaja barulah pemimpin akan sedar akan kesalahan dan mungkin akan memperbetulkannya. (Tajuk: *Menegur*. No 3)

Atas dasar inilah Tun Dr. Mahathir melakukan kritikan terhadap pemimpin-pemimpin tertinggi negara. Dalam artikel yang sama, beliau turut menjelaskan bahawa beliau sanggup menerima risiko atas tindakan menegur pemimpin. Beliau sanggup dan mengalami pelbagai risiko dipecat, difitnah, didera dan sebagainya hanya kerana menegur pemimpin. Teguran-teguran yang dilakukan itu atas dasar cinta kepada bangsa dan negara. Hal ini dinyatakan sendiri dalam artikel yang sama, iaitu seperti berikut:

1. Jikalau tiada siapa yang sanggup menegur, biarlah saya menegur. Saya pernah dipecat oleh Tunku Abdul Rahman, dipulau oleh Datuk Seri Abdullah dan difitnah oleh ramai. Jika kerana menegur saya akan didera, terpaksalah saya terima. (Tajuk: *Menegur*. No.33)
2. Bukanlah saya tidak sayang pemimpin. Tetapi saya lebih sayang bangsa dan negara saya. (Tajuk: *Menegur*. No.34)

Berdasarkan huraian di atas, pengkaji menyimpulkan bahawa Tun Dr. Mahathir telah lama mengamalkan sikap menegur pemimpin tertinggi negara secara tertutup, iaitu pada zaman PMM yang pertama lagi. Beliau melakukan teguran tersebut untuk memberi kesedaran tentang kesilapan yang dilakukan oleh pemimpin negara.

### **3. Strategi Kritikan Terbuka**

Dalam kajian ini, kritikan terbuka bermaksud kritikan yang dilakukan melalui pelbagai medium untuk tatapan masayarakat awam. Selain menggunakan blog, kritikan terbuka juga dilakukan melalui medium lain, seperti sidang media, wawancara, rakaman video, ucapan-ucapan dalam majlis dan sebagainya. Dalam kajian ini, pengkaji mendapati bahawa pengakuan pertama Tun Dr. Mahathir tentang kritikan terbuka dinyatakan dalam artikel yang bertajuk *Selamat Bersidang UMNO*, diterbitkan pada 25 November 2015, iaitu seperti berikut:

1. Saya dinasihat supaya tidak membuat teguran terbuka. Sebenarnya sudah saya tegur secara tertutup berkali-kali, terutama berkenaan masalah Bumiputra dan UMNO. Tetapi tidak berkesan. Teguran secara terbuka terpaksalah dibuat. (Tajuk: *Selamat Bersidang UMNO*. No 15)

Dalam kajian ini, artikel pertama berkaitan 1MDB diterbitkan pada 10 September 2014 dengan tajuk *SSK<sup>1</sup> dengan 1MDB*. Artikel tersebut menunjukkan Tun Dr. Mahathir mula

<sup>1</sup> SSK merujuk kepada Saleh Siad Keruak.

mempersoalkan tindakan-tindakan pihak pengurusan 1MDB. Antara perkara yang dipersoalkan dalam artikel tersebut ialah (i) harga pembelian tiga stesen jana kuasa dari YTL, Ananda Krishnan dan pemilik Jimah Power Plant di Negeri Sembilan yang lebih tinggi daripada harga pasaran; (ii) penggunaan dana 1MDB untuk projek Tun Razak Financial Exchange; (iii) pengurusan dana 1MDB di Pulau Caribbean; dan (iv) dana 1MDB bukan lebihan kewangan negara, daripada hutang yang boleh memufliskan negara. Dalam isu 1MDB, kritikan bertulis secara terbuka ini berlaku secara berterusan dalam tempoh hampir lima tahun. Lima tahun merupakan satu tempoh yang lama untuk mengkritik satu isu yang sama. Pelbagai aspek tentang 1MDB diperincikan dan dipersoalkan melalui blog *chedet.cc*, seperti penggunaan dana pelaburan 1MDB, sejarah penubuhan 1MDB, kemasukan 2.6 billion dalam akaun peribadi perdana menteri, tindakan-tindakan DSMN, pemecatan peguam negara, pemecatan timbalan perdana menteri dan menteri, tindakan peguam negara, laporan-laporan akhbar antarabangsa, dan sebagainya. Kritikan bertulis secara berterusan memberi gambaran bahawa Tun Dr. Mahathir merupakan seorang yang serius dan teliti dalam mengkritik sesuatu yang difikirkan salah.

#### 4. Strategi Menyeru Ahli UMNO

Ahli-ahli UMNO merupakan konteks penting dalam kritikan Tun Dr. Mahathir terhadap 1MDB di bawah pengurusan DSMN. Oleh itu, Tun Dr. Mahathir turut mengambil tindakan menyeru ahli-ahli UMNO yang lain agar tidak menyokong pengerusi 1MDB yang juga PMM, iaitu DSMN. Seruan kepada ahli-ahli UMNO dilakukan menggunakan kaedah surat terbuka dan artikel-artikel kritikan yang lain. Terdapat empat surat terbuka khusus untuk menyeru ahli UMNO, iaitu *Wahai Ahli UMNO* (10 Sept 2015), *Surat Kepada Ahli dan Pemimpin UMNO Akar Umbi* (30 Nov 2015), *Surat Kepada Ahli-Ahli Cawangan UMNO* (18 Mac 2016), dan *UMNO dan Najib* (16 Mei 2016). Artikel *Wahai Ahli UMNO* terdiri daripada 14 isi, dan dua isi terakhir merupakan seruan untuk ahli UMNO menolak PMM. Secara umumnya, artikel tersebut memperincikan tindakan salah laku dan kemerosotan sokongan yang diterima oleh PMM. Menurutnya, penyingkiran PMM akan mengembalikan kekuatan dan kemenangan UMNO. Oleh itu, Tun Dr. Mahathir menyeru ahli-ahli UMNO agar menolak kepimpinan DSMN untuk mengekalkan penguasaan politik UMNO. Berikut ialah isi terakhir daripada artikel *Wahai Ahli UMNO*:

1. Ahli-ahli UMNO yang sayang dan ingin UMNO kekal dan berkuasa perlu tolak Najib sebelum pilihanraya. Jika penolakan ini dibuat terlalu lewat, masa untuk pemulihan UMNO tidak mencukupi. (Tajuk: *Wahai Ahli UMNO*. No 13)
2. Jika sayang UMNO tolak Najib sekarang. Jika sayang Najib, UMNO akan hilang kuasa dan berkecaci. (Tajuk: *Wahai Ahli UMNO*. No 14)

Secara umumnya, kedua-dua pernyataan di atas menunjukkan wujudnya lakuan bukan bahasa Tun Dr. Mahathir untuk menyeru ahli-ahli UMNO agar menolak kepimpinan DSMN. Dari segi garis masa, iaitu pada 10 September 2015, Tun Dr. Mahathir masih lagi sebagai ahli UMNO. Oleh sebab itu, Tun Dr. Mahathir bertindak untuk mempertahankan UMNO. Dalam lakuan bukan bahasa tersebut, lakuan bahasa yang digunakan ialah *lakuan perintah* dan *lakuan amaran*. Lakuan perintah ditandai oleh frasa kerja *perlu tolak Najib*, manakala lakuan amaran ditandai oleh ayat keterangan syarat *Jika sayang Najib, UMNO akan hilang kuasa dan berkecaci*.

Selepas 81 hari artikel *Wahai Ahli UMNO* diterbitkan, sebuah lagi artikel yang menunjukkan seruan dilakukan oleh Tun Dr. Mahathir. Artikel tersebut bertajuk *Surat Kepada Ahli dan Pemimpin UMNO Akar Umbi*, diterbitkan pada 30 Nov 2015. Artikel ini menujukkan

lakuan bukan bahasa yang berunsurkan seruan oleh Tun Dr. Mahathir. Ketika artikel ini diterbitkan, Tun Dr. Mahathir masih ahli UMNO. Di bahagian awal artikel ini menerangkan secara ringkas hasil perjuangan UMNO, kemudian diikuti oleh penerangan isu 1MDB – merangkumi pinjaman dan pelaburan 1MDB, kegagalan membayar hutang, pembelian tanah kerajaan oleh 1MDB, isu RM 2.6 billion, dan sebagainya. Selain itu, beliau turut menyentuh persoalan sara hidup yang tinggi, bebanan rakyat, GST dan sebagainya. Selepas memberikan penerangan, beliau membuat seruan agar ahli UMNO menolak kempimpinan Dato Seri Najib Razak. Petikan artikel *Surat Kepada Ahli dan Pemimpin UMNO Akar Umbi* (No 8-12) adalah seperti berikut:

1. Wahai ahli dan pemimpin UMNO di akar umbi. Fikirlah baik-baik. Jangan sokong dan setia secara buta tuli, atau kerana dapat nikmat hari ini. Bangsa kita akan kutuk kita jika nasib bangsa menjadi buruk kerana kita tamak dan lupukan perjuangan UMNO. Dan segala nikmat yang kita dapati akan musnah, bahkan Kerajaan parti lawan akan bertindak ke atas kesalahan mereka semasa memerintah (No. 8).
2. Semua ini memburukkan nama Malaysia dan merugikan rakyat. Wahai ahli dan pemimpin UMNO di peringkat akar umbi. Jika ingin selamat dan menang tolaklah kepimpinan DSMN sebelum PRU14. Tolaklah kepimpinannya sebelum PRU14 supaya UMNO selamat dan mampu memenangi PRU dan kekal sebagai Kerajaan yang adil kepada semua. (No. 9- 12)

Surat terbuka yang ketiga ditulis oleh Tun Dr. Mahathir bertajuk *Surat Kepada Ahli-Ahli Cawangan UMNO*. Artikel ini diterbitkan pada 18 Mac 2016 dan bertujuan untuk memperjelas sebab beliau keluar UMNO. Artikel ini tidak bernombor seperti artikel lain. Secara umumnya, beliau menjelaskan punca utama penyelewengan 1MBD yang dipengerusikan oleh DSMN. Di bahagian akhir artikel tersebut, Tun Dr. Mahathir menyeru ahli-ahli UMNO untuk menjatuhkan DSMN dengan mengemukakan usul undi tidak percaya dalam mesyuarat-mesyuarat cawangan. Berikut ialah seruan beliau:

1. Saya menjemput ahli-ahli UMNO yang sayang kepada perjuangan asal UMNO membantu saya untuk menyelamatkan parti dan negara ini. Kemukakanlah usul undi tidak percaya terhadap Najib sebagai Presiden parti dan Perdana Menteri di mesyuarat-mesyuarat cawangan UMNO. Usulkan juga agar pemilihan parti tidak ditangguhkan, dan dilaksanakan pada tahun ini juga.
2. Kita tidak boleh tunggu PRU 14 kerana UMNO yang dipimpin oleh Najib tetap akan kalah. Sekali UMNO kalah ia tidak dapat dipulih semula.

Dalam seruan di atas, terdapat pelbagai lakuan bahasa. Antaranya ialah lakuan bahasa ajakan, yang ditandai oleh frasa *Saya menjemput ahli-ahli UMNO*. Kemudian wujud lakuan bahasa gesaan yang ditandai oleh frasa *Kemukakanlah usul undi tidak percaya* dan frasa *usulkan juga agar*. Artikel tersebut diakhiri dengan lakuan justifikasi, iaitu undi tidak percaya dan usul pemilihan parti tidak boleh dilewatkan lagi sehingga PRU14. Inilah strategi Tun Dr. Mahathir dalam melakukan kritikan yang berterusan terhadap skandal 1MDB dan kempimpinan Dato Seri Najib Razak.

Satu lagi surat terbuka sebagai usaha menyeru ahli-ahli UMNO agar tidak menyokong kepimpinan DSMN, iaitu artikel yang bertajuk *UMNO dan Najib*. Artikel ini bertarikh 16 Mei 2016 dan ia bersifat surat biasa. Lakuan seruan ini ditandai oleh ayat pertama *wahai wakil rakyat UMNO*. Penulis menggunakan teknik persoalan retorik *Apakah Yang Berhormat-Yang Berhormat tidak tahu dan tidak sedar akan skandal-skandal yang melibatkan Perdana Menteri*

yang memburukkan imej UMNO dan imej negara? Selepas menimbulkan persoalan, beliau menerangkan secara ringkas kerosakan besar yang telah dilakukan oleh DSMN melalui 1MDB. Beliau turut menggunakan laku bertanya untuk menyeru ahli UMNO. Di bahagian akhir surat tersebut, penulis mengajak ahli-ahli Yang Berhormat agar menolak DSMN sebagai PMM bagi mengembalikan maruah bangsa. Berikut ialah ayat yang menunjukkan seruan kepada ahli-ahli UMNO untuk menjatuhkan DSMN:

1. Wahai ahli UMNO! Sedarlah. Najib sudah menghancurkan parti keramat...
2. ...dan saya rayu kepada ahli Dewan Rakyat UMNO dan BN supaya menyokong undi tidak percaya kepada Najib.
3. Wahai pemimpin UMNO berhentilah dari menipu diri.
4. Pemimpin-pemimpin UMNO perlu sedar akan hakikat ini dan mendesak supaya proses undang-undang dikuatkuasakan.

Kajian ini merumuskan bahawa Tun Dr. Mahathir mengambil tindakan menyeru ahli-ahli UMNO untuk tidak menyokong kepimpinan DSMN. Hal ini kerana ahli UMNO mempunyai kuasa yang sangat berkesan untuk menjatuhkan PMM hanya dengan menarik sokongan dan membuat usul undi tidak percaya di parlimen. Oleh sebab itu, Tun Dr. Mahathir mengambil tindakan menyeru sebagai satu strategi untuk menyelesaikan masalah 1MDB yang dipengerusikan oleh DSMN.

## **5. Mengkritik Ahli UMNO**

Tun Dr. Mahathir menganggap bahawa sokongan ahli-ahli UMNO kepada PMM bermakna sokongan terhadap penyelewengan dana 1MDB oleh DSMN. Oleh itu, selain melakukan seruan, Tun Dr. Mahathir juga mengkritik ahli-ahli UMNO yang menyokong kepimpinan DSMN. Dalam kajian ini, kritikan terhadap ahli-ahli UMNO merupakan strategi lakuannya bukan bahasa Tun Dr. Mahathir untuk menjatuhkan PMM. Dengan perkataan lain, Tun Dr. Mahathir mensasarkan kritikannya terhadap ahli-ahli UMNO sebagai satu usaha melemahkan sokongan terhadap DSMN. Antara artikel yang mengkritik ahli-ahli UMNO ialah *Kit Siang dan Mahathir* (29 Mac 2016), *Mengkhianati UMNO* (13 Mei 2016) dan *Pemimpin UMNO* (1 Ogos 2016). Tiga artikel ini menunjukkan kritikan yang berterusan terhadap ahli UMNO, bermula Mac 2016 hingga Ogos 2016. Selain itu, terdapat kritikan yang dilakukan pada bulan Jun 2016. Namun demikian, kritikan terhadap ahli tidak menjadi tema utama. Berikut ialah petikan artikel bertajuk *Kit Siang dan Mahathir* yang menunjukkan kritikan terhadap ahli-ahli UMNO.

1. ...kebanyakkan ahli dan pemimpin UMNO sudah jadi bisu, pekak dan buta. Mereka tahu kesalahan Najib tetapi mereka sokong juga Najib. (No 4)
2. Yang tidak sayang UMNO ialah kamu sekalian, kamu yang membisu, kamu yang pekak dan buta kerana semua anggota ini sudah ditutup dengan dedak dan lain-lain. (No 7)
3. Rakyat lebih benci melihat ahli UMNO yang menyokong Najib daripada ahli UMNO berada di atas pentas bersama Kit Siang untuk ... (No 10)

Berdasarkan tiga petikan artikel di atas, pengkaji dapat merumuskan bahawa Tun Dr. Mahathir mengkritik 1MDB dari pelbagai penjuru. Dalam artikel tersebut, Tun Dr. Mahathir mengkritik ahli UMNO kerana membisu tentang salah laku DSMN. Sikap membisu itu dilihat oleh Tun Dr. Mahathir sebagai kesan daripada rasuah yang diberikan oleh DSMN kepada ahli-ahli UMNO. Beliau mengkritik bahawa ahli-ahli UMNO adalah orang yang tidak sayang kepada UMNO kerana membiarkan pucuk pimpinan mengamalkan rasuah secara terbuka. Selain

artikel *Kit Siang dan Mahathir*, terdapat artikel lain yang mengkritik ahli-ahli UMNO untuk menjatuhkan PMM. Antaranya ialah artikel yang bertajuk *Mengkhianati UMNO*, diterbitkan pada 13 Mei 2016. Berikut ialah beberapa petikan artikel *Mengkhianati UMNO*.

1. Namun pemimpin di peringkat Bahagian dan wakil rakyat UMNO khususnya ternampak tidak faham tentang kekurangan sokongan... (No 8)
2. Ketua-ketua Bahagian UMNO dan Ahli Dewan Rakyat UMNO takkanlah pekak dan buta sehingga tidak sedar berkenaan salahlaku Najib. Tetapi mereka terus sokong Najib dan mempertahankannya. (No 19)
3. Tetapi nampaknya mereka tidak tahu malu dan lebih utamakan kepentingan diri daripada kepentingan dan maruah negara. (No 20)

Secara umumnya, artikel *Mengkhianati UMNO* menunjukkan kritikan Tun Dr. Mahathir terhadap ahli-ahli UMNO yang masih menyokong PMM walau telah jelas melakukan penyelewengan dalam pengurusan 1MDB, kemasukan RM2.6 billion ke dalam akaun peribadi PMM dan tindakan-tindakan rasuah yang lain. Artikel yang bertajuk *Pemimpin UMNO* turut memperlihatkan kritikan secara khusus kepada pemimpin-pemimpin UMNO. Berikut adalah antara petikan artikel tersebut:

1. Bilakah pemimpin UMNO akan mengakui kebenaran tuduhan yang dibuat terhadap Najib? (No 1)
2. Sejak mula skandal 1MDB didedah, pemimpin-pemimpin UMNO cuba menidakkann tuduhan terhadap Najib.
3. Walaupun nama Najib tidak dicatit tetapi semua tahu bahawa Malaysian Official 1 (Pegawai Malaysian Nombor 1) ialah Najib. Hanya yang bangang sahaja yang tidak kenal Najib sebagai Pegawai Malaysia Nombor 1. Dan mereka sahaja yang masih sanggup menerima Najib sebagai pemimpin mereka.

Ayat pertama yang digunakan dalam artikel tersebut ialah *Bilakah pemimpin UMNO akan mengakui kebenaran tuduhan yang dibuat terhadap Najib?* Ayat ini merupakan permulaan kritikan terhadap ahli-ahli UMNO yang masih menyokong PMM. Kritikan artikel tersebut disertakan dengan pendedahan penyelewengan oleh akhbar, dan laporan Bank Negara, Juru Audit Negara dan PAC. Walaupun bukti telah didedahkan, namun demikian, Tun Dr. Mahathir melihat ahli-ahli UMNO masih menyokong kepimpinan DSMN sebagai PMM.

## **6. Mengkritik Peguam Negara**

Isu 1MDB mendapat perhatian rakyat Malaysia dan masyarakat antarabangsa. Hal ini menyebabkan pelbagai pihak mendesak kerajaan untuk menyiasat kes tersebut. Oleh itu, kerajaan telah menubuhkan satu jawatankuasa khas untuk menyiasat kes tersebut. Jawatankuasa tersebut melibatkan empat instansi kerajaan, iaitu Peguam Negara selaku ketua jawatankuasa tersebut, Ketua Polis Negara, Bank Negara, dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Peguam negara ketika itu dipimpin oleh Abdul Gani Patail. Dalam peruntukan undang-undang Malaysia, peguam negara menentukan sama ada sesuatu kes boleh didakwa di mahkamah atau sebaliknya. Menurut Tun Dr. Mahathir, DSMN menjangkakan peguam negara, Abd Gani Patail akan meneruskan pendakwaan berdasarkan hasil siasatan yang dilakukan oleh empat institusi yang dilantik. Hal ini menunjukkan bahawa terdapat bukti penyelewengan dalam pengurusan 1MDB, yang sudah pasti melibatkan PMM, iaitu DSMN.

Untuk menghalang pendakwaan tersebut, Dato Seri Najib Tun Razak telah mengambil tindakan menghentikan siasatan tersebut, dengan mengantikan Abdul Gani Patail dengan Tan

Sri Mohammad Apandi Ali sebagai peguam negara yang baharu. Kritikan terhadap Tan Sri Mohammad Apandi Ali bermula apabila peguam negara tersebut membuat kenyataan bahawa hasil siasatan tidak menunjukkan sebarang salah laku oleh PMM. Kemudian, hasil siasatan itu diletakkan di bawah Akta Rahsia Rasmi Negara. Tindakan ini menyebabkan Tun Dr. Mahathir menyerang secara berterusan pelbagai aspek pengurusan 1MDB, termasuklah peguam negara yang baharu dilantik. Tun Dr. Mahathir melihat peguam negara sebagai pelindung kepada Dato Seri Najib Tun Razak. Terdapat empat artikel yang secara khusus mempertikaikan tindakan-tindakan peguam negara. Antaranya ialah *IMDB Dibersihkan* (9 Oktober 2015), *Peguam Negara kepada Peguam Negara* (3 Februari 2016), *Apandi's Apprehension* (19 Jun 2017), dan *Berani Kata Afandi Bohong* (26 Julai 2017). Kritikan terhadap peguam negara turut dilakukan dalam artikel-artikel tetapi tidak menjadi keutamaan dalam artikel tersebut.

## **7. Strategi Menyertai Perhimpunan**

Tun Dr. Mahathir menerbitkan satu artikel khas tentang penyertaan beliau dalam perhimpunan Bersih, bertarikh 1 September 2015. Artikel tersebut bertajuk *Bersih* dengan tiga tema, iaitu 1MDB, Ringgit dan UMNO. Dalam artikel tersebut, beliau dengan jelas menyebut tarikh perhimpunan, iaitu 28 – 29 Ogos 2015. Ketika Tun Dr. Mahathir menyertai demonstrasi, beliau masih ahli UMNO. Beliau memberi pencerahan bahawa beliau tidak bersetuju dengan perhimpunan atau tunjuk perasaan kerana ia boleh menjelaskan ekonomi negara. Perasaan tidak puas hati hendaklah disampaikan dengan cara yang betul, iaitu dengan membuat laporan polis agar tindakan undang-undang boleh diambil. Beliau juga menafikan bahawa penyertaan beliau dalam perhimpunan merupakan sikap dolak-dalih dalam politik. Petikan berikut ialah pernyataan yang jelas tentang punca penyertaan beliau dalam perhimpunan tersebut.

1. Oleh itu saya terpaksa menyertai demonstrasi jalanan anjuran Bersih yang bertema singkirkan Najib kerana rasuah, dan saya rayu kepada ahli Dewan Rakyat UMNO dan BN supaya menyokong undi tidak percaya kepada Najib. BN tidak akan jatuh setelah Najib disingkir. BN masih parti majoriti. (Tajuk: *Bersih*. No 21)
2. Selagi Najib berkuasa selama itulah ekonomi merosot, nilai Ringgit jatuh, saham jatuh, kos sara hidup meningkat kerana GST, hutang Negara bertimbun dan tidak dapat dibayar, pengangguran bertambah, berbilion duit rakyat disalahgunakan. (Tajuk: *Bersih*. No 21)

Terdapat 22 isi penting yang disenaraikan dalam artikel tersebut. Sebelum sampai kepada pernyataan di atas, Tun Dr. Mahathir menjelaskan secara panjang lebar tentang tindakan PMM yang membubarkan institusi kerajaan, kehilangan duit kerajaan melalui 1MDB, isu RM2.6 billion dalam akaun peribadi PPM, pasukan penyiasat 1MDB dan RM2.6 billion dibubarkan, sekatan undi tidak percaya untuk menggantikan PMM dan sebagainya. Selain itu, Tun Dr. Mahathir turut meramalkan bahawa Malaysia akan menuju kehancuran sekiranya mengekalkan DSMN sebagai PMM. Perkara-perkara ini merupakan punca utama tindakan Tun Dr. Mahathir menyertai demostrasi jalanan untuk menjatuhkan DSMN.

## **8. Strategi Keluar Umno**

Tindakan keluar UMNO merupakan satu lagi strategi dan tanda kritikan Tun Dr. Mahathir terhadap kepimpinan negara. Dari sudut sejarah, Tun Dr. Mahathir telah bertindak sebanyak dua kali keluar UMNO atas sebab tidak bersetuju dengan pucuk pimpinan. Dalam konteks kritikan terhadap 1MDB, Tun Dr. Mahathir telah mengistiharkan keluar parti UMNO pada 29

Februari 2016. Tarikh 29 Februari 2018 menunjukkan bahawa beliau telah lama mengkritik kepimpinan PMM sebelum mengistiharkan keluar parti. Lapan belas hari kemudian, iaitu pada 18 Mac 2016, Tun Dr. Mahathir menulis artikel untuk memperjelas mengapa beliau keluar parti UMNO. Artikel bertajuk *Surat Kepada Ahli-Ahli Cawangan UMNO* merupakan artikel yang ditulis khas untuk menyatakan sebab-sebab meninggalkan UMNO.

Secara umumnya, surat tersebut menegaskan punca beliau keluar parti, antaranya ialah perjuangan UMNO telah tersasar. UMNO tidak lagi memperjuangkan bangsa, agama dan negara, sebaliknya memperjuangkan DSMN. Selain itu, beliau juga melihat ahli-ahli UMNO tidak lagi peduli tentang skandal rasuah berbilion ringgit (RM2.6 billion) dalam akaun peribadi PMM, peningkatan hutang negara sebanyak RM50 billion kerana 1MDB, kehilangan sebahagian besar wang 1MDB, kes transaksi RM42 juta ke akaun peribadi PMM dari SRC, dan dakwaan tidak masuk akal bahawa RM2.6 billion adalah derma orang Arab, kes jual beli tanah antara kerajaan dan 1MDB, dan sebagainya. Selain itu, beliau turut menegaskan bahawa sistem pemerintahan kuku besi DSMN merupakan sebab Tun Dr. Mahathir keluar UMNO. Selepas memperincikan faktor-faktor keluar UMNO, Tun Dr. Mahathir menegaskan. Berikut ialah petikan daripada artikel bertajuk *Surat Kepada Ahli-Ahli Cawangan UMNO*.

1. Pemerintahan Najib kejam. Siapa yang menegurnya disingkir dari parti, dibuang jawatan, ditangkap dan dihadapkan ke mahkamah.
2. **Kerana semua ini saya keluar dari parti pimpinan Najib dan sebagai rakyat negara tercinta ini saya akan sambut desakan ramai rakyat untuk membuat sesuatu bagi mengembalikan pemerintahan yang adil ke negara ini.**

Petikan artikel di atas menunjukkan sebab-sebab Tun Dr. Mahathir bertindak keluar parti. Namun demikian, pengkaji melihat bahawa pelbagai faktor itu terangkum dalam satu isu besar, iaitu isu 1MDB dan DSMN.

## **9. Strategi Melancarkan Deklarasi Rakyat**

Tun Dr. Mahathir juga berusaha untuk mendapatkan sokongan rakyat melalui referendum, yang dikenali sebagai Deklarasi Rakyat sebagai satu usaha untuk menyingkirkan DSMN sebagai PMM. Deklarasi ini dilancarkan pada 4 Mac 2016, iaitu 4 hari selepas keluar UMNO. Terdapat lima artikel tentang deklarasi tersebut, iaitu *Demokrasi dan Najib (19 Mac 2016)*, *Kenapa Deklarasi Kenapa Tidak Undi Percaya (6 April 2016)*, *Citizens Vs Najib (20 Mei 2016)*, *Deklarasi Rakyat (1 Jun 2016)*, *Kebebasan Bersuara (7 Jun 2016)*, dan *Desakan Rakyat (14 Jun 2016)*. Walau bagaimanapun, Tun Dr. Mahathir tidak memuat naik teks penuh Deklarasi Rakyat dalam blog beliau. *Malaysiakini.com* bertarikh 4 Mac 2016 telah memuat naik teks penuh, dan kajian ini telah memetik teks penuh tersebut daripada portal tersebut. Portal *Malaysiakini* turut melaporkan bahawa Deklarasi Rakyat dibacakan oleh bekas Perdana Menteri, iaitu Tun Dr. Mahathir. Teks penuh Deklarasi Rakyat tersebut telah memperincikan sejarah penubuhan dan tadbir urus 1MDB yang mengandungi pelbagai penyelewengan. Selain isu 1MDB, Deklarasi tersebut turut menyentuh sistem cukai yang tidak adil di bawah pemerintahan PMM, iaitu cukai Barang dan Perkhidmatan (GST), bayaran tol, dan kos sara hidup yang tinggi, undang-undang keselamatan dan pencabulan demokrasi di bawah kuasa PMM dan sebagainya. Berikut ialah pernyataan tegas di bahagian akhir teks Deklarasi Rakyat yang dibacakan oleh Tun Dr. Mahathir.

“Oleh kerana sebab-sebab ini, kami rakyat Malaysia seperti yang tertera bersetuju dan menyokong:

- a. Penyingkiran Dato' Sri Najib Tun Razak sebagai Perdana Menteri Malaysia menerusi saluran yang aman dan mengikut undang-undang yang dibenarkan.
- b. Penyingkiran semua mereka yang bersekongkol dengannya.
- c. Pemansuhan semua undang-undang dan perjanjian baru yang jelas melanggar hak asasi yang termaktub di bawah Perlembagaan Persekutuan dan melemahkan polisi terpilih, dan
- d. Pemulihan integriti institusi yang telah dilemahkan, seperti polis, SPRM, Bank Negara dan PAC.”

Penegasan di atas menunjukkan bahawa tujuan utama Deklarasi Rakyat yang dipimpin oleh Tun Dr. Mahathir adalah untuk menjatuhkan DSMN sebagai PMM, dan mereka yang menyokong tindakan-tindakan DSMN. Teks ini selari dengan artikel yang bertajuk *Demokrasi dan Najib* yang diterbitkan pada 19 Mac 2016 melalui blog *chedet.cc*. Dalam artikel tersebut, Tun Dr. Mahathir menyebut bahawa sekiranya ahli-ahli UMNO bersatu dan berani mengugurkan DSMN sebagai PMM, tindakan luar parti tidak perlu dilakukan, termasuklah mengadakan Deklarasi Rakyat dan mengadakan kerjasama dengan parti lawan.

1. Sebab itulah tindakan di luar parti terpaksa diadakan. (Tajuk: *Demokrasi dan Najib*, No 25)
2. Oleh kerana kongkongan UMNO dan ahli-ahlinya oleh Najib dan mereka sendiri tidak mampu membuat apa-apa, maka suara rakyat, di luar UMNO, termasuk suara parti lawan perlulah digabung untuk memberi kekuatan dan kejayaan kepada usaha menyingkir Najib. (Tajuk: *Demokrasi dan Najib*, No 29)

Artikel yang bertajuk *Kenapa Deklarasi Rakyat Kenapa Undi Tidak Percaya* (6 April 2016) turut memperjelas sebab-sebab melancarkan Deklarasi Rakyat. Beliau menegaskan bahawa Deklarasi Rakyat dilancarkan kerana ahli UMNO dalam Dewan Rakyat telah disekat oleh DSMN. Menurutnya, hanya undi tidak percaya yang boleh menjatuhkan PMM tetapi undi tidak percaya tidak akan berlaku kerana dikawal oleh DSMN. Oleh itu, Tun Dr. Mahathir melancarkan Deklarasi Rakyat. Kemudian dalam artikel bertajuk *Citizens Vs Najib* (20 Mei 2016) menegaskan bahawa Deklarasi Rakyat ialah gerakan rakyat, bukan gerakan mana-mana parti politik pembangkang. Artikel Deklarasi Rakyat (1 Jun 2016) sekali lagi diterbitkan dengan memberi penjelasan tentang pencabulan Perlembagaan dan undang-undang negara sehingga tidak ada tempat untuk mengkritik pemerintah. Selain itu, turut dijelaskan tentang keraguan dan kehilangan wang berbilion ringgit di bawah tadbir urus 1MDB. Pengistihan Deklarasi Rakyat merupakan konteks penting dalam analisis lakukan bahasa.

## **10. Strategi Menubuhkan Parti Politik untuk Menyertai PRU 14**

Selain melancarkan Deklarasi Rakyat, Tun Dr. Mahathir juga menubuhkan Parti Bumiputra Bersatu Malaysia (PPBM). Dengan adanya PPBM, Tun Dr. Mahathir mempunyai platform politik yang kukuh dalam usaha meneruskan kritikan terhadap 1MDB dan DSMN. PPBM juga membolehkan beliau menyertai pilihan raya umum ke-14. Beliau menjadi penggerak utama PPBM dan berjaya menyertai parti pembangkang di Malaysia, iaitu Pakatan Harapan. Penyertaan PPBM dalam Pakatan Harapan kerana mempunyai matlamat yang sama, iaitu menyelesaikan masalah 1MDB dengan menjatuhkan DSMN sebagai PMM. Hal ini termaktub dalam manifesto Pakatan Harapan. Dalam Pakatan Harapan, Tun Dr. Mahathir diangkat sebagai Pengurus. Terdapat dua artikel berkaitan dengan penubuhan PPBM, iaitu *Pentadbiran Kuku Besi* (12 Okt 2016) dan *Parti Perbbumi Bersatu Malaysia* (3 Nov 2016).

Kedua-dua artikel tersebut tidak menyebut tarikh sebenar parti tersebut diluluskan oleh Pendaftar Pertubuhan Malaysia. *Malaysiakini.com* melaporkan Pendaftar Pertubuhan Malaysia meluluskan PPBM pada tarikh 9 September 2016<sup>iii</sup>. Dalam artikel *Pentadbiran Kuku Besi*, Tun Dr. Mahathir memberi respon terhadap UMNO yang dikatakan mengugut individu-individu yang hendak menjadi ahli PPBM. Selain itu, beliau turut terus mengkritik undang-undang Majlis Keselamatan Negara, pencabulan demokrasi dan isu penyelewengan 1MDB. Artikel *Parti Peribumi Bersatu Malaysia* pula berbentuk seruan terbuka untuk menjadi ahli PPBM. Sebelum seruan dilakukan, beliau telah mengistiharkan bahawa dia adalah sebahagian daripada pengasas PPBM. Selain itu, beliau terus mengulangi kritikan terhadap PMM, khususnya berkaitan dengan isu rasuah, penyelewengan, masalah demokrasi dan sebagainya. Kerjasama PPBM dengan parti-parti pembangkang yang lain untuk mengalahkan Barisan Nasional dalam pilihanraya turut dinyatakan dalam artikel ini. Beliau menjadi pengurus, iaitu jawatan tertinggi dalam PPBM, dan diikuti oleh jawatan presiden. Kedudukan tertinggi ini menunjukkan beliau merupakan pengasas utama PPBM.

Secara umumnya, asas penubuhan PPBM adalah untuk mengadakan reformasi institusi dalam mengembalikan integriti pentadbiran negara, demokrasi, kedaulatan undang-undang, pengukuhan pengasingan kuasa, dan berusaha untuk meningkatkan prestasi negara dan kehidupan rakyat tanpa mengambil kira kaum dan agama. Ia juga ditubuhkan untuk mengembalikan penghormatan dan sanjungan dunia kepada Malaysia. Dalam konteks perjuangan ini, PPBM akan mengadakan kerjasama dengan parti-parti politik dan badan-badan bukan kerajaan yang mempunyai aspirasi dan prinsip yang sama dalam usaha membentuk kepimpinan kerajaan yang lebih baik, demi kepentingan negara dan rakyat Malaysia<sup>iv</sup>. Pada 9 Mei 2018, Pakatan Harapan memenangi pilihan raya ke-14 dan Tun Dr. Mahathir diangkat sebagai Perdana Menteri Malaysia pada 10 Mei 2018 untuk kali kedua.

Berdasarkanuraian di atas, kajian ini merumuskan bahawa konteks 2 adalah selari dengan konteks 3, iaitu 10 strategi lakuannya bukan bahasa yang diambil oleh Tun Dr. Mahathir dalam usaha mengkritik 1MDB dan DSMN. Sikap berani mengkritik sejak muda, dengan prinsip berani menegur kesilapan pemimpin tertinggi negara telah diteruskan dalam usia lanjut. Pelbagai cara dilakukan untuk mencapai matlamat kritikan, termasuklah mengkritik secara terbuka sama ada secara lisan dan bertulis, dalam tempoh yang lama (hampir lima tahun). Konteks 1 hingga konteks 3 dapat memberikan maklumat dan penjelasan yang lengkap untuk menganalisis lakuannya bahasa.

## **KESIMPULAN**

Secara keseluruhannya, kajian ini menghuraikan konsep konteks dalam kajian lakuannya bahasa yang wujud dalam bidang pragmatik. Kemudian membina kerangka konsep umum yang memperlihatkan kedudukan konteks dalam kajian lakuannya bahasa. Dalam membina kerangka teoritis untuk analisis lakuannya bahasa, konteks sebenar amat penting. Hal ini kerana konteks sebenar dapat memberikan penjelasan tentang bentuk-bentuk lakuannya bahasa kritikan terhadap isu 1MDB. Sebanyak tiga konteks penting dalam kajian lakuannya bahasa Tun Dr. Mahathir dalam isu 1MDB ialah (i) konteks tentang sejarah penubuhan dan isu pengurusan perniagaan 1MDB, (ii) konteks sikap dan pendirian Tun Dr. Mahathir d, dan (iii) lakuannya bukan bahasa oleh Tun Dr. Mahathir. Ketiga-tiga konteks ini dapat menentukan kategori lakuannya bahasa, seperti yang dikemukakan oleh Bach dan Harnish.

## **RUJUKAN**

- Abdul Mua'ti Zamri. (2007). *Pemikiran Tun Dr. Mahathir bin Mohamad*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Ahmad Mahmud Musanif, 1998. *Tanya-Jawab Dalam Novel ‘Salina’ Karangan A. Samad Said: Satu Kajian Berdasarkan Analisis Teori Lakuan Pertuturan*. Tesis Ph.D. Universiti Malaya: Kuala Lumpur.
- Amir Juhari & Zaitul Azma Zainon Hamzah, 2015. *Penggunaan Lakuan Pertuturan dalam Mesyuarat*. Jurnal Linguistik Vol. 19(1) Jun.2015 (048-057)
- Austin, J.L., 1962. *How to Do Things with Words*. London: Oxford University Press.
- Bach, K., Harnish, R.M., 1979. *Linguistic Communication and Speech Acts*. MIT Press, Cambridge, MA.
- Geoffrey Finch, 2000. *Linguistic Term and Concept*. London: Mcmillan Press Ltd
- Geoffrey N. Leech, 1980. *Exploration in Semantic and Pragmatic*. Amsterdam: John Benjamin Publishing.
- Harimurti Kridalaksana, 1982. *Kamus linguistik*. Jakarta: PT Gramedia Pustaka Utama.
- Haslinda Saad, 2012. *Lakuan Pertuturan dalam Wacana Wawancara*. Tesis Ph.D. Universiti Putera Malaysia: Serdang.
- Hornby A. S., 2005. *Oxford advanced learner’s dictionary*. (7th ed.) Oxford: Oxford University Press.
- Idris Aman, 2006. *Bahasa dan Kepimpinan: Analisis Wacana Mahathir Mohamad*. Universiti Kebangsaan Malaysia: Bangi.
- Kamila Ghazali, 1999. *Critical Discourse Analysis of the Speeches of Dr. Mahathir Mohamad*. Phd. Thesis, Universiti Malaya: Kuala Lumpur.
- Kamila Ghazali. (2004). *The Rhetoric of Dr. Mahathir Mohamad: A Critical Discourse Perspective*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- Kirsten Malmkjær, 1991. *The Linguistic Encyclopedia*. London: Routledge
- Lee Ai Chat, 2001. *Analisis Teks Ucapan Politik Bahasa Melayu Dari Segi Retorik: Satu Kajian Kes Terhadap Ucapan Politik Dr. Mahathir Mohamad*. Disertasi. Fakulti Bahasa dan Liguistik, Universiti Malaya: Kuala Lumpur.
- Marina Sbisà, 2002. *Speech Act in Context*. *Journal of Language and Communication*, Vol 22. 2002: 421-436.
- Marlyna Maros, 2008. *Lakuan Bahasa Komelin: Manifestasi dan Istilah-istilahnya dalam Komuniti Bahasa*. Dlm Jurnal Melayu. bil hlm, 31-56.
- Marlyna Maros, 2011. *Strategi Kesantunan Melayu Dalam Membuat Teguran*. Jurnal Elektronik Jabatan Bahasa & Kebudayaan Melayu. Jilid 3 (2011) 7-20. UKM.
- Maslida Yusof Dan Karim Harun, 2015. *Analisis Lakuan Tutur Dalam Ruangan Status Facebook*. Jurnal Komunikasi. Jilid 31 (2) Hlmn 151-168.
- Muhamaed Mohamed Yunis Ali, 2000. *Medieval Islamic Pragmatic of Textual Communication*. Edinburgh: Curzon Press.
- Paul Simpson, 1993. *Language, Ideology and Point of View*. London: Routledge.
- Peter Grundy, 1995. *Doing Pragmatic*. London: Edward Arnold.
- R.R.K Hartmann dan F.C Stork, 1973. *Dictionary of Language and Linguistic*. London: Applied Science Publisher Ltd
- Ramli Md. Salleh, Sanat Md. Nasir, dan Noor Ein Haji Mohd Noor, 1997. *Kamus Linguistik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Searle, J.R., 1969. *Speech Act*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Wan Robiah Meor Osman, Hamidah Abdul Wahab, Siti Marina Kamil, 2010. *Sesi Kaunseling Dari Sudut Lakuan Bahasa*. *Jurnal Bahasa*. Jilid 10 Bil. 1 2010.

Wong Shin Shin. (2007). *Analisis Teks Ucapan RMK-9: Pendekatan Pragmatik*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Zaidatul Nornis Hj Mahali, 2012. Situasi, Peristiwa dan Lakuan Bahasa dalam Kalang Sama. Akademia 82. [1] 2012: 3-14

Zaiton Ismail, “*Bahasa Berirama dari Sudut Pandangan Teori Lakuan Bahasa*, Teori Grice dan Teori Relevans” dlm. Dewan Bahasa Januari 2003. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

## **MAKLUMAT PENULIS**

### **ABD GANING LAENGKANG**

Calon Doktor Falsafah di Jabatan Bahasa Melayu,  
Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya,  
e-mel: abdulganing@kuis.edu.my

### **AB RAZAK AB KARIM**

Prof. Madya di Jabatan Bahasa Melayu,  
Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya  
e-mel: abrazak@um.edu.my

### **DR. ROHAIDAH BINTI HARON**

Pensyarah di Jabatan Bahasa Melayu,  
Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya  
e-mel: eyda1826@um.edu.my

**LAMPIRAN 1 : Senarai 80 Daripada 130 Artikel tentang Kritikan Tun Dr. Mahathir Dalam Isu 1MDB.**

<b>NO A</b>	<b>TAJUK</b>	<b>ALAMAT URL</b>	<b>TARIKH TERBIT</b>
A50	Kenapa Deklarasi Kenapa Tidak Undi Tak Percaya	<a href="http://chedet.cc/?p=2055">http://chedet.cc/?p=2055</a>	6 April 2016
A51	Najib's Advice	<a href="http://chedet.cc/?p=2058">http://chedet.cc/?p=2058</a>	9 April 2016
A52	1MDB Jawab	<a href="http://chedet.cc/?p=2065">http://chedet.cc/?p=2065</a>	12 April 016
A53	Jejak Wang – Laluan “Wang Itu Raja”	<a href="http://chedet.cc/?p=2070">http://chedet.cc/?p=2070</a>	14 April 2016
A54	The Foreign Minister Of Saudi Arabia	<a href="http://chedet.cc/?p=2075">http://chedet.cc/?p=2075</a>	18 April 2016
A55	Penipuan Dalam 1MDB	<a href="http://chedet.cc/?p=2084">http://chedet.cc/?p=2084</a>	27 April 016
A56	Saga 1MDB (Bahagian 1)	<a href="http://chedet.cc/?p=2096">http://chedet.cc/?p=2096</a>	4 Mei 2016
A57	Saga 1MDB (Bahagian II)	<a href="http://chedet.cc/?p=2098">http://chedet.cc/?p=2098</a>	5 Mei 2016
A58	Mengkhianati UMNO	<a href="http://chedet.cc/?p=2115">http://chedet.cc/?p=2115</a>	13 Mei 2016
A59	UMNO DAN Najib	<a href="http://chedet.cc/?p=2120">http://chedet.cc/?p=2120</a>	16 Mei 2016
A60	Cara Merasuah Kerajaan	<a href="http://chedet.cc/?p=2123">http://chedet.cc/?p=2123</a>	17 Mei 2016
A61	The Citizens Vs Najib	<a href="http://chedet.cc/?p=2127">http://chedet.cc/?p=2127</a>	20 Mei 2016
A62	Keistimewaan Pasport	<a href="http://chedet.cc/?p=2132">http://chedet.cc/?p=2132</a>	23 Mei 2016
A63	Mukhriz Dan Saya	<a href="http://chedet.cc/?p=2136">http://chedet.cc/?p=2136</a>	27 Mei 2016
A64	Deklarasi Rakyat	<a href="http://chedet.cc/?p=2140">http://chedet.cc/?p=2140</a>	1 Jun 2016
A65	Kebebasan Bersuara	<a href="http://chedet.cc/?p=2143">http://chedet.cc/?p=2143</a>	7 Jun 2016
A66	Bazar Ramadhan	<a href="http://chedet.cc/?p=2147">http://chedet.cc/?p=2147</a>	10 Jun 2016
A67	Desakan Rakyat	<a href="http://chedet.cc/?p=2151">http://chedet.cc/?p=2151</a>	14 Jun 2016
A68	Pendirian Saya	<a href="http://chedet.cc/?p=2156">http://chedet.cc/?p=2156</a>	20 Jun 2016
A69	Status Rasuah Di Malaysia	<a href="http://chedet.cc/?p=2159">http://chedet.cc/?p=2159</a>	23 Jun 2016
A70	Rasuah	<a href="http://chedet.cc/?p=2166">http://chedet.cc/?p=2166</a>	27 Jun 2016
A71	Ahli-Ahli Politik	<a href="http://chedet.cc/?p=2175">http://chedet.cc/?p=2175</a>	2 Jul 2016
A72	Rasuah II	<a href="http://chedet.cc/?p=2178">http://chedet.cc/?p=2178</a>	5 Jul 2016
A73	Orang Bisu	<a href="http://chedet.cc/?p=2190">http://chedet.cc/?p=2190</a>	12 Jul 2016
A74	Laporan Ketua Audit Negara	<a href="http://chedet.cc/?p=2193">http://chedet.cc/?p=2193</a>	20 Jul 2016
A75	Sekarang Rahsia Telah Terbongkar	<a href="http://chedet.cc/?p=2197">http://chedet.cc/?p=2197</a>	26 Jul 2016
A76	Pemimpin Umno	<a href="http://chedet.cc/?p=2215">http://chedet.cc/?p=2215</a>	1 Aug 2016
A77	Kebebasan Najib	<a href="http://chedet.cc/?p=2216">http://chedet.cc/?p=2216</a>	10 Agos 2016
A78	Surat Terbuka	<a href="http://chedet.cc/?p=2217">http://chedet.cc/?p=2217</a>	12 Agos 2016
A79	Campur Tangan Asing	<a href="http://chedet.cc/?p=2218">http://chedet.cc/?p=2218</a>	14 Agos 2016
A80	Why A New Party?	<a href="http://chedet.cc/?p=2211">http://chedet.cc/?p=2211</a>	17 Agos 2016
A81	Apology / (Mohon Maaf)	<a href="http://chedet.cc/?p=2234">http://chedet.cc/?p=2234</a>	25 Agos 2016
A82	The Constitution	<a href="http://chedet.cc/?p=2248">http://chedet.cc/?p=2248</a>	3 Ogos 2016
A83	The Rule Of Law	<a href="http://chedet.cc/?p=2253">http://chedet.cc/?p=2253</a>	6 Sep 2016
A84	Who Is Malaysian Official	<a href="http://chedet.cc/?p=2256">http://chedet.cc/?p=2256</a>	8 Sep 2016
A85	Mempertahankan Najib	<a href="http://chedet.cc/?p=2261">http://chedet.cc/?p=2261</a>	22 Sep 2016
A86	Kenyataan Najib	<a href="http://chedet.cc/?p=2266">http://chedet.cc/?p=2266</a>	23 Sep 2016
A88	Demokrasi Najib	<a href="http://chedet.cc/?p=2271">http://chedet.cc/?p=2271</a>	30 Sep 2016
A89	Cash Is King	<a href="http://chedet.cc/?p=2275">http://chedet.cc/?p=2275</a>	10 Oct 2016
A90	Pentadbiran Kuku Besi	<a href="http://chedet.cc/?p=2278">http://chedet.cc/?p=2278</a>	12 Okt 2016
A91	Hipokrit Malaysia	<a href="http://chedet.cc/?p=2327">http://chedet.cc/?p=2327</a>	28 Okt 2016
A92	Parti Pribumi Bersatu Malaysia	<a href="http://chedet.cc/?p=2330">http://chedet.cc/?p=2330</a>	3 Nov 2016

A93	Demonstration	<a href="http://chedet.cc/?p=2337">http://chedet.cc/?p=2337</a>	7 Nov 2016
A94	Baju Kuning Baju Merah	<a href="http://chedet.cc/?p=2340">http://chedet.cc/?p=2340</a>	7 Nov 2016
A95	Jurucakap Najib	<a href="http://chedet.cc/?p=2342">http://chedet.cc/?p=2342</a>	11 Nov 2016
A96	Bila Lagi	<a href="http://chedet.cc/?p=2344">http://chedet.cc/?p=2344</a>	14 Nov 2016
A97	Najib's China Trip	<a href="http://chedet.cc/?p=2347">http://chedet.cc/?p=2347</a>	16 Nov 2016
A98	Kleptokrasi Najib	<a href="http://chedet.cc/?p=2351">http://chedet.cc/?p=2351</a>	22 Nov 2016
A99	Obama's Valedictory	<a href="http://chedet.cc/?p=2353">http://chedet.cc/?p=2353</a>	23 Nov 2016
A100	Pilihanraya	<a href="http://chedet.cc/?p=2358">http://chedet.cc/?p=2358</a>	2 Dis 2016
A101	Kerakyatan	<a href="http://chedet.cc/?p=2361">http://chedet.cc/?p=2361</a>	6 Dis 2016
A102	Associating With Thieves	<a href="http://chedet.cc/?p=2363">http://chedet.cc/?p=2363</a>	7 Dis 2016
A103	Najib Pinjam Lagi	<a href="http://chedet.cc/?p=2368">http://chedet.cc/?p=2368</a>	19 Dis 2016
A104	Retirement	<a href="http://chedet.cc/?p=2371">http://chedet.cc/?p=2371</a>	20 Dis 2016
A105	Kleptocratic By Association	<a href="http://chedet.cc/?p=2373">http://chedet.cc/?p=2373</a>	22 Dis 2016
A106	FDI	<a href="http://chedet.cc/?p=2394">http://chedet.cc/?p=2394</a>	6 Jan 2017
A107	Rasuh dan Ibadah Haji	<a href="Http://Chedet.Cc/?P=2412">Http://Chedet.Cc/?P=2412</a>	18 Jan 2017
A108	1mdb Money	<a href="Http://Chedet.Cc/?P=2471">Http://Chedet.Cc/?P=2471</a>	30 Mac 2017
A109	Barakah	<a href="Http://Chedet.Cc/?P=2478">Http://Chedet.Cc/?P=2478</a>	6 April 2017
A110	Has There Been Any Wrongdoings By Najib	<a href="Http://Chedet.Cc/?P=2481">Http://Chedet.Cc/?P=2481</a>	10 April 2017
A111	1mdb Money	<a href="Http://Chedet.Cc/?P=2488">Http://Chedet.Cc/?P=2488</a>	12 April 2017
A112	Movements Of Money	<a href="http://chedet.cc/?p=2490">http://chedet.cc/?p=2490</a>	17 April 2017
A113	1MDB Within And Outside The Country	<a href="http://chedet.cc/?p=2536">http://chedet.cc/?p=2536</a>	2 Jun 2017
A114	Apandi's Apprehension 26	<a href="http://chedet.cc/?p=2547">http://chedet.cc/?p=2547</a>	19 Jun 2017
A115	Doj Dan Saya	<a href="http://chedet.cc/?p=2561">http://chedet.cc/?p=2561</a>	5 Jul 2017
A116	Attorney-General Yang Berani	<a href="http://chedet.cc/?p=2567">http://chedet.cc/?p=2567</a>	19 Jul 2017
A117	Berani Kata Afandi Bohong	<a href="http://chedet.cc/?p=2573">http://chedet.cc/?p=2573</a>	26 Jul 2017
A118	Hutang 1mdb	<a href="http://chedet.cc/?p=2580">http://chedet.cc/?p=2580</a>	3 Ogos 2017
A119	Tak Malu	<a href="http://chedet.cc/?p=2582">http://chedet.cc/?p=2582</a>	8 Ogos 2017
A120	The Dictator	<a href="http://chedet.cc/?p=2586">http://chedet.cc/?p=2586</a>	17 Ogos 2017
A121	RCI	<a href="http://chedet.cc/?p=2595">http://chedet.cc/?p=2595</a>	23 Ogos 2017
A122	Talam Dua Muka	<a href="http://chedet.cc/?p=2614">http://chedet.cc/?p=2614</a>	19 Sep 2017
A123	Wang Tunai Itu Raja	<a href="http://chedet.cc/?p=2625">http://chedet.cc/?p=2625</a>	2 Okt 2017
A124	Darul Penyangak	<a href="http://chedet.cc/?p=2651">http://chedet.cc/?p=2651</a>	24 Okt 2017
A125	Najib Brodsdie	<a href="http://chedet.cc/?p=2668">http://chedet.cc/?p=2668</a>	3 Nov 2017
A126	Siasatan Atas 1MDB	<a href="http://chedet.cc/?p=2711">http://chedet.cc/?p=2711</a>	6 Dis 2017
A127	Hidup Dalam Ketakutan	<a href="http://chedet.cc/?p=2781">http://chedet.cc/?p=2781</a>	23 Feb 2018
A128	Kapal layar Equanimity	<a href="http://chedet.cc/?p=2791">http://chedet.cc/?p=2791</a>	3 Mac 2018
A129	Robert Kuok	<a href="http://chedet.cc/?p=2794">http://chedet.cc/?p=2794</a>	5 Mac 2018
A130	Dulu Dengan Sekarang	<a href="http://chedet.cc/?p=2825">http://chedet.cc/?p=2825</a>	29 Mac 2018

i [http://www.1mdb.com.my\\_\(kini](http://www.1mdb.com.my_(kini) tidak dapat diakses\_sejak selepas pilihanraya ke-14).

ii Laporan Siasatan 1MDB (<http://www.parlimen.gov.my/pac/review/docs-110-116.pdf>) diakses pada 11 Julai 2018.

iii <https://www.malaysiakini.com/news/355180> (diakses pada 30 Julai 2018\_dengan tajuk Akhbar Bersatu Sah Berdaftar Tetapi Logo Berubah).

iv <http://www.bersatu.org/ditubuhkan.php> diakses pada 31 Julai 2018